



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-HUKMI**

**PANDANGAN FATWA MENGENAI MENCACAH TATU**

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti persoalan mengenai Hukum Mencacah Tatu dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut:

1. Merujuk keputusan Fatwa Negeri Kedah bertarikh 6 Mei 2010 bersamaan 21 Jamadil Awal 1431 mengenai Hukum Mencacah Tatu;

i. Tatu ialah membuat tatu atau lukisan pada mana-mana anggota tubuh secara kekal seperti muka, lengan dan belakang. Ia dibuat dengan menggunakan warna-warna tertentu dengan menusuk jarum pada anggota badan.

ii. Perbuatan ini adalah haram dan dilaknat oleh Allah ﷻ berdasarkan hadis :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ: لَعَنَ اللَّهُ الْوَاشِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ وَالنَّامِصَاتِ  
وَالْمُتَمَصِّصَاتِ وَالْمُتَقَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغَيَّرَاتِ خَلَقَ اللَّهُ<sup>1</sup>.

Maksudnya: *Daripada Abdullah Ibnu Mas'ud ؓ, telah bersabda Rasulullah ﷺ, Allah ﷻ melaknat tukang tatu dan orang yang meminta dibuat tatu dan orang yang mencukur bulu kening dan orang yang mengasah gigi untuk kecantikan yang (semua itu) mengubah ciptaan Allah ﷻ.*

iii. Antara alasan ('illah) pengharaman tatu adalah seperti berikut;

a) Boleh menghalang air sampai ke kulit ketika mengangkat hadas kecil dan besar.

- b) Boleh menyebabkan alahan pada kulit sehingga menyebabkan kegatalan, jangkitan penyakit Hepatitis B dan sebagainya.
- c) Mengubah ciptaan Allah ﷻ dan menyerupai amalan bukan Islam.
- d) Menimbulkan fitnah kerana memakai tatu dikaitkan dengan orang yang tidak baik serta membazirkan wang.

2. Sementara itu, merujuk keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-86 yang bersidang pada 21-24 April 2009 mengenai Hukum Bertatu Mengikut Pandangan Islam:

- i. Dalam Islam hukum bertatu iaitu pembuat tatu dan orang yang meminta dibuat tatu adalah haram. Oleh itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa orang yang telah bertatu wajib bertaubat dan menyesal serta menghilangkannya dengan menggunakan kaedah teknologi yang sedia ada jika tidak mendatangkan sebarang kemudharatan.
- ii. Walau bagaimanapun, sekiranya ia mendatangkan kemudharatan pada diri dan nyawa, maka ia boleh dibiarkan dan dimaafkan. Bagi orang yang bertatu dan tidak sempat menghilangkannya setelah meninggal dunia, maka tatu tersebut tidak wajib dihilangkan kerana ia akan menyiksa mayat tersebut.
- iv. Muzakarah juga berpandangan bahawa pihak berkuasa yang meluluskan lesen membuka premis membuat tatu perlu mengenakan syarat iaitu pemilik dan pekerjaanya mestilah bukan beragama Islam di samping orang Islam dilarang sama sekali mencacah tatu di premis tersebut.**

3. Oleh yang demikian, jabatan ini mengesyorkan supaya mana-mana pihak yang berhasrat untuk mengkomersialkan industri tatu ini supaya dapat merujuk perkara (iv), keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-86 yang bersidang pada 21-24 April 2009.

**TARIKH KEPUTUSAN : 14 OKTOBER 2020**